

NO. SOALAN: 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8392

SOALAN:

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan atas dasar apakah Xavier Justo, mantan pekerja Petro Saudi International dikatakan me "tampering" Microsof PowerPoint file seperimana yang dilaporkan akhbar NST pada 24 Jun 2015 sekaligus menuduh Sarawak Report juga telah mendedahkan bukti palsu sedangkan hingga sekarang 1MDB dan Petrosaudi gagal membuktikan "tampering" tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius tentang isu yang melibatkan keskes berkaitan menjatuhkan pihak Kerajaan. Berhubung dengan isu yang dikaitkan dengan pendedahan Xavier Justo warganegara Switzerland yang ditahan oleh pihak polis Thailand melibatkan orang kenamaan di Malaysia, pihak PDRM telah menjalankan siasatan berkait Sentul Repot 12685/2015 bertarikh 18 Julai 2015 di bawah Seksyen 124 (B) dan 124 (J) Kanun Keseksaan.

Pihak PDRM tidak berhasrat untuk mendedahkan sebarang maklumat berkaitan perkara ini kerana dikhuatiri boleh menjelaskan siasatan yang sedang dijalankan.